

# Goh nafi setuju

SH 13 OCT 2002

SINGAPURA: Perdana Menteri, Goh Chok Tong, semalam mendakwa beliau tidak pernah memberi sebarang persetujuan bagi menyamak harga air yang dibekalkan ke Singapura.

Perdana Menteri itu menekankan beliau hanya bersetuju untuk membuat semakan ke atas harga air

mentah itu jika ia dilakukan secara pakej.

Goh semalam mendedahkan beliau telah menerima sepucuk surat daripada Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad, yang meminta agar rundingan isu air dipisahkan daripada pakej rundingan isu-isu dua hala yang belum selesai.

Permintaan dalam surat bertarikh 7 Oktober itu, yang diterima kelmarin, sedang dikaji dan Singapura akan memberi jawabannya, kata beliau.

Goh berkata demikian ketika diminta mengulas laporan agensi berita Malaysia, *Bernama*, kelmarin yang mendakwa Si-

ngapura telah bersetuju untuk menyamak harga air mentah.

'Pasti terdapat salah faham di pihak Dr Mahathir. Beliau mungkin telah diberi maklumat salah. Ketika saya menemui beliau di sana (Kuala Lumpur), saya bersetuju ke atas semakan harga air mentah di dalam perjanjian air

## semak harga air

yang ada sekarang jika ia dilakukan sebagai sebahagian daripada keseluruhan pakej,' katanya ketika ditemui sebelum permulaan jamuan sempena ulang tahun Persekutuan Perusahaan Singapura (SCI) di Hotel Shangri-La.

Malaysia menyuarakan permintaannya untuk me-

nyamak harga Perjanjian-perjanjian Air 1961 dan 1962, yang seharusnya dilakukan pada 1986 dan 1987.

Singapura menegaskan Malaysia tidak mempunyai asas perundangan untuk melakukannya, tetapi bersedia menimbangkannya dengan syarat ia dihuraikan sebagai sebahagian pakej.

Menjelaskan pendirian Singapura dalam membincangkan isu air sebagai sebahagian daripada pakej, Goh berkata: 'Ia sentiasa menjadi pendekatan Singapura. Ini juga sentiasa menjadi pendekatan saya.

Dalam kata lain, saya hanya bersetuju ke atas

semakan harga dalam perbincangan tetapi sebagai sebahagian dari pakej.'

Dalam sesi pertemuan dengan Dr Mahathir Goh berkata: "Pada prinsipnya kami tidak menentang semakan harga melebihi 3 sen tetapi perlulah ada asas bagi harga baru." - Agensi